

24/05/2000

Anwar kemuka 11 alasan kesilapan hakim

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memfailkan petisyen rayuan dengan mengemukakan 11 alasan kesilapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka dalam keputusannya berhubung kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela.

Petisyen itu difailkan oleh peguam belanya, Sankara Narayanan Nair di pejabat Pendaftar Mahkamah Rayuan di sini, pada jam 11 pagi ini.

Nair juga memfailkan permohonan perakuan segera untuk mendapat tarikh awal perbicaraan bagi mengelakkan kelewatan perbicaraan kes liwat membabitkan Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan Abu Bakar.

Ariffin dalam keputusannya pada 21 April lalu, memutuskan Dr Mahathir tidak perlu hadir sebagai saksi pembela untuk memberi keterangan dalam perbicaraan kes liwat Anwar.

Katanya, mahkamah mendapati tindakan memanggil Perdana Menteri untuk memberi keterangan pada perbicaraan itu adalah satu proses penyalahgunaan mahkamah.

Sehubungan itu, katanya, menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menghalang penyalahgunaan itu daripada terus berlaku.

Anwar, 53, dan Sukma Darmawan, 39, dituduh meliwat Azizan di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

(END)